

## **PENERAPAN PEMIKIRAN KRITIS DALAM PENULISAN KARANGAN ARGUMENTATIF**

Azizah Ahmad

Sekolah Sains & Teknologi Singapura

### **Abstrak**

Sejak kebelakangan ini, penerapan kemahiran abad ke-21 sering diperkatakan. Ini termasuk kemahiran berfikir secara kritikal (*Critical Thinking*) yang diperlukan dalam bidang pendidikan. Kajian ini mengenai penerapan pemikiran kritikal dalam penulisan karangan argumentatif. Tujuan kajian adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar menghasilkan isi karangan yang menyeluruh dan meyakinkan untuk karangan jenis argumentatif. Bagi mengukuhkan aspek pemikiran kritikal, pengajaran dan pembelajaran, penulisan dan penilaian, kajian pustaka dilakukan. Praujian dan pascaujian dijalankan melalui kaedah *Quasi-Experiment*. Selain itu, data-data dikumpulkan melalui rakaman audio, Blog dan aplikasi *Google*. Dengan berpandukan dapatan daripada kajian ini, guru dapat menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan bagi meningkatkan mutu penulisan karangan murid terutamanya dari aspek isi. Di samping itu, penggunaan pelbagai platform digital dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan pemikiran kritikal. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan pentingnya menjadikan pengajaran berteraskan pemikiran kritikal lebih ketara dalam kalangan pelajar. Platform digital pula membantu guru untuk memantau kelakonan pelajar dalam tugas kolaboratif.

## **Pengenalan**

Pemikiran kritikal bermaksud keupayaan diri dalam membuat atau menangani sesuatu, dan ini lebih mudah untuk dinilai. Penilaian ini dilakukan dengan merujuk pada kemampuan pelajar dalam menerapkan pemikiran kritikal dalam penulisan. Bagi aspek penulisan, karangan argumentatif dipilih memandangkan ia memerlukan penulis berfikir daripada pelbagai perspektif sebelum membuat rumusan peribadi. Dengan ini, penulisan karangan argumentatif sesuai untuk menilai aspek pemikiran kritikal para pelajar.

Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh para pendidik dalam penerapan pengajaran pemikiran kritikal secara sedar. Ini akan dapat melahirkan para pelajar yang akan menghasilkan karangan argumentatif yang lebih menarik dan meyakinkan. Oleh itu, kajian ini boleh diterapkan di peringkat sekolah menengah.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti impak penerapan pemikiran kritikal terhadap penulisan karangan murid. Hal ini boleh dilihat menerusi keupayaan pelajar menghasilkan isi karangan yang menyeluruh dan luas dalam karangan berbentuk argumentatif.

Kajian ini dilakukan bagi mencari sebab-sebab pada ketandusan calon yang memilih karangan argumentatif dalam peperiksaan peringkat nasional. Berdasarkan pengamatan peribadi sebagai penyemak kertas peperiksaan serta guru yang mengendalikan kelas peringkat Menengah Empat dan Lima, tidak ramai calon Peperiksaan Peringkat GCE Peringkat 'O' & 'N' yang memilih karangan argumentatif di antara tahun 2000 hingga 2009.

## **Permasalahan**


Melalui tinjauan rambang pula, para pelajar rasa kurang yakin dalam mengutarakan pendapat kerana tidak mempunyai kemahiran menulis dan bahan rujukan. Ini mungkin disebabkan pelajar tidak berupaya untuk berfikir secara kritikal hingga menjejaskan pilihan mereka untuk menulis karangan jenis argumentatif.

## **Kajian Lepas**

Untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu dikaji, beberapa kajian pustaka dilakukan. Hal ini dilakukan bagi membolehkan penerapan pengajaran pemikiran kritikal dapat dilaksanakan. Kajian pustaka ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu konsep pemikiran kritis, bidang pengajaran & pembelajaran, cabang penulisan serta aspek penilaian.

Kamsiah Abdullah (1994) menjalankan kajian mengenai penerapan pemikiran kritikal dalam konsep membaca. Kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran kritikal ada kaitannya dengan kefahaman dan pemahaman membaca. Satu model konsep konstruk pembacaan secara kritis digunakan (lihat Rajah 1). Model ini menunjukkan bahawa pemikiran kritikal merupakan suatu keupayaan kognitif yang kompleks. Pemikiran kritikal bertautan dengan keupayaan berbahasa seseorang.

## Rajah 1: Model Konstruk Awal Membaca & Berfikir Secara Kritis



Selain itu, pemikiran kritikal juga merupakan suatu kemahiran kognitif dan tidak terhad pada pengajaran berunsurkan bahasa. Oleh itu, kemahiran ini boleh diajar dalam pelbagai bidang atau bahasa-bahasa lain. Bagi guru, mereka perlulah berusaha untuk melatih para pelajar dengan kemahiran berfikir secara kritis. Mereka juga sedar dan prihatin tentang pentingnya menggalakkan budaya membaca dan berfikir dalam masyarakat.

Kajian oleh Robert H. Ennis (1989) menyentuh tentang

konsep pemikiran kritis. Dalam kajian ini, pemikiran kritikal menjurus pada sesuatu bidang iaitu subjek. Di sini, pemikiran kritikal dilihat sebagai wadah muhasabah diri (*reflective thinking*) yang tertumpu pada apa yang ingin dipercayai atau apa yang ingin dibuat. Oleh itu, pemikiran kritikal boleh diadaptasikan dalam pelbagai aspek pemikiran seperti pemikiran aras tinggi (*higher order thinking*), penyelesaian permasalahan (*problem solving*) dan metakognisi (*metacognition*).

Penerapan pemikiran kritikal juga perlu dibuat secara eksplisit. Dengan dilakukan secara eksplisit, kemampuan para pelajar lebih meyakinkan. Mereka dilihat sebagai dapat mempraktikkan pemikiran kritikal dengan lebih khusus. Kajian ini juga menyentuh tentang aspek pemikiran kritikal bukan untuk segelintir subjek. Penekanan ini penting kerana pemikiran kritikal boleh berlaku di mana-mana dan dalam keadaan apa-apa pun.

Tujuan kajian yang dilakukan oleh Rebecca L. Lipstein dan K. Ann Renninge (2007) adalah untuk menyelidik bagaimana faktor guru serta budaya kelas boleh mempengaruhi minat pelajar dalam penulisan. Dalam kajian ini, faktor minat dalam penulisan dilihat sebagai menjejaskan cara pelajar menulis dan keputusan yang mereka raih. Menerusi kajian ini, keperluan dan kehendak para pelajar sebagai penulis perlulah dipenuhi. Apabila keperluan dan kehendak mereka dipenuhi, mereka akan lebih terdorong untuk mendalami bidang penulisan. Budaya kelas juga memainkan peranan dalam membangkitkan semangat para pelajar dalam penulisan. Selain itu, penting bagi meningkatkan aspek komunikasi secara lisan antara guru dan para pelajar. Dengan itu, guru boleh membimbing para pelajar untuk menjadi penulis yang lebih baik.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah menengah iaitu

Sekolah Sains & Teknologi, Singapura (SST). SST memberi tumpuan pada penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan kemahiran abad ke-21. SST merupakan sebuah sekolah bebas yang bertahap *autonomous*. Bilangan pelajar Melayu di SST tidak ramai.

## Subjek Kajian

Data yang dikumpulkan berdasarkan pada pelajar Menengah 2 aliran Bahasa Melayu Lanjutan (HML) dan Bahasa Melayu (ML). Mereka dipilih berdasarkan pada usia dan pendedahan. Di peringkat Menengah Dua, mereka lebih terdedah pada konsep pemikiran kritis. Ini kerana mereka telah melalui pembelajaran yang rata-ratanya menyentuh tentang pemikiran kritis, pada tahun lalu. Ia dilakukan di dalam subjek-subjek akademik yang berbeza. Selain itu, mereka juga didedahkan pada pemikiran kritis dalam subjek Kerja Projek Merentas Subjek (*Intergrated Project Work, IPW*) serta Inovasi & Keusahawanan (*Innovation & Enterprise, I & E*). Oleh itu, mereka sudah mempunyai pengetahuan sedia ada. Selain itu, di peringkat Menengah Dua, mereka didedahkan pada aspek penulisan karangan argumentatif berdasarkan kurikulum bahasa Melayu di SST. Dengan itu, mereka adalah kumpulan pelajar yang lebih layak untuk menjalani kajian ini.

Pelajar HML seramai tujuh orang iaitu empat orang pelajar perempuan dan tiga orang pelajar lelaki (tiga orang pelajar dari kelas S203 dan empat orang pelajar daripada kelas S204). Pelajar ML juga seramai tujuh orang iaitu seorang pelajar perempuan dan enam orang pelajar lelaki (tiga orang pelajar dari kelas S205 dan empat orang pelajar daripada kelas S206). Memandangkan bilangan mereka kecil, kajian ini akan merangkumi kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif.


## Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian data-data yang dikumpulkan,

terdapat beberapa rumusan yang dapat disimpulkan. Pemikiran kritikal dapat menjana perkembangan isi bagi penulisan karangan argumentatif. Para pelajar dapat menjana isi mereka dengan meluaskan hujah-hujah dan menyertakan contoh-contoh yang bersesuaian.

Hal ini boleh dibantu dengan pembacaan secara ekstensif dengan menganalisis bahan bacaan. Dengan merujuk pada *Paul's Wheels of Reasoning* (lihat Rajah 2), para pelajar lebih terarah untuk menganalisis bahan bacaan tersebut. Apabila bahan-bahan rujukan diberikan, para pelajar mampu untuk mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan topik penulisan. Secara keseluruhan, para pelajar lebih yakin untuk memilih karangan jenis argumentatif dengan 70% pelajar memilih karangan jenis ini apabila membuat pilihan dalam penulisan.

Rajah 2: *Reading & Analysing Articles Using Paul's Wheel of Analysis*



Oleh yang demikian, kajian ini telah terbukti bahawa pemikiran kritis perlu diajar secara eksplisit agar pelajar sedar tentang kegunaan dan cara mengaplikasikannya. Ini selaras dengan pernyataan tesis Prof Kamsiah Abdullah (1994) yang menegaskan akan perlunya mengajar pemikiran kritis secara sedar. Bagi pendidik pula, mereka perlulah diberi latihan yang secukupnya. Ini akan membantu mereka menyiapkan pengajaran dan pembelajaran pemikiran kritis dengan lebih berkesan.

## **Kesimpulan**

Melalui kajian ini diharapkan agar para pendidik boleh menerapkannya dalam pengajaran kelas. Ia boleh digunapakai oleh guru peringkat sekolah menengah dan maktab rendah. Selain itu, kajian ini boleh dilanjutkan di mana pengkaji boleh melihat penggunaan kaedah ICT dalam pelaksanaan penulisan argumentatif. Memandangkan penggunaan ICT akan ditekankan dalam pendidikan di sekolah, para pendidik boleh menggunakan kajian ini sebagai wadah untuk membuat kajian tentang penggunaan ICT.

## **Rujukan**

- Ennis, Robert H. (1989). Critical Thinking and Subject Specificity: Clarification and Needed Research. *Educational Researcher*, Vol. 18 (No. 3) pp. 4-10.
- Kamsiah Abdullah (1994). *The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore*. Tesis PhD University of London.
- Kuhn, Deanna (1999) A Developmental Model of Critical Thinking. *Educational Researcher*, Vol. 28 (No. 2), pp. 16-25+46.



Lipstein, R.L. dan Renninger K.A. (2007). Interest for Writing: How Teachers Can Make a Difference. *The English Journal*, Vol. 96 (No.4) pp. 79-85.

Marzano R.J. (Summer, 1993). *How Classroom Teachers Approach the Teaching of Thinking. Theory into Practice*, Vol. 32 (No. 3) Teaching for Higher Order Thinking pp. 154-160.